

Staf, mahasiswa UTHM bantu mangsa banjir

SEGAMAT 9 Mac - Seramai 37 kakitangan dan mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) membantu mangsa banjir di Kampung Batu Badak, dekat sini.

Pengerusi program, Dr. Nadirul Ashraf Mat Nayan berkata, program tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya bagi membantu membaik pulih kediaman mangsa yang terjejas akibat bencana alam berkenaan.

"Peserta program terdiri daripada pensyarah, kakitangan dan mahasiswa FTK, selari dengan usaha merakyatkan universiti dengan masyarakat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Di samping itu, kami turut bergotong royong

membersihkan rumah penduduk yang ditenggelami banjir," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Menurutnya, program seperti itu juga amat penting sebagai platform terbaik bagi staf FTK berbakti kepada masyarakat yang terjejas akibat banjir selain menjadi tunjang pembangunan pro-

gram khidmat masyarakat di FTK dan UTHM.

Sepanjang program dijalankan, pihaknya turut memeriksa dan memastikan kelengkapan serta peralatan elektrik di rumah penduduk berfungsi dengan baik bagi mengelakkan berlakunya litar pintas yang boleh menyebabkan kerugian lebih besar.